

**Nasi Bajet RM2.50 Wakaf Baru**  
**Bernama**  
**Oct 27, 2014**

KUALA NERUS, 27 Okt (Bernama) -- Prihatin terhadap kesan kenaikan harga barang dan makanan, sepasang suami isteri mengambil inisiatif membuka gerai menjual nasi berlauk dengan harga serendah RM2.50 sebungkus di Kampung Wakaf Baru di sini.

Sabaruddin Rahman, 31, berkata dia mula menjalankan perniagaan nasi bajet itu sejak dua bulan lepas.

Katanya nasi putih berserta ayam goreng, sayur dan pilihan dua jenis kuah iaitu kari ataupun masak lemak pada harga RM2.50.

"Sejak berniaga pada bulan Ogos lalu semakin ramai pelanggan yang mengunjungi gerai saya ini," katanya ketika ditemui di sini pada Isnin.

Sabaruddin berkata gerainya akan mula beroperasi pada pukul 11 pagi dan lazimnya kira-kira pukul 2.30 petang nasi dan lauk sudah habis dijual.

"Ini idea isteri saya untuk menjual nasi berlauk dengan harga yang agak rendah.

"Kami ingin beramal sambil berniaga, dengan menjual pada kadar yang rendah setiap orang dapat menikmati juadah ini," katanya.

Sabaruddin berkata walaupun keuntungan tidak seberapa tetapi dia tetap bersyukur kerana dapat membantu orang ramai.

Katanya dalam sehari dia boleh menjual antara 200 hingga 300 bungkus nasi.

Dalam pada itu seorang pembeli Wan Mohd Bukhairy Wan Abdul Ghafar, 26, berkata dia hanya membelanjakan sebanyak RM3 untuk mendapatkan hidangan tengahari ini.

"Dengan membeli di sini saya dapat ayam goreng, sayur dan kuah pilihan sama ada masak lemak ataupun kari.

Lebih menjimatkan pekedai turut menjual sirap pada kadar RM0.50 sen sebungkus, jadi dalam sehari saya hanya membelanjakan RM3 untuk juadah tengah hari," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1080074>